

DASAR SUMBER AIR NEGARA

KUMPULAN KERJA 4: STANDARD DAN KUALITI

Kerajaan telah menggubal Dasar Sumber Air Negara (DSAN) bagi menggariskan strategi dan merangka pelan tindakan yang komprehensif bagi menghadapi pelbagai isu dan cabaran berkaitan pengurusan sumber air negara. Prinsip utama DSAN adalah meliputi jaminan sumber air, kelestarian sumber air dan tadbir urus kolaboratif yang bersepadu yang menggariskan 9 Teras, 18 Sasaran, 28 Strategi , dan 69 Pelan Tindakan Strategik.

Mekanisme bagi menjayakan Pelan Tindakan Strategik Dasar Sumber Air Negara dilaksanakan melalui lima Kumpulan Kerja yang telah dibentuk. Kumpulan Kerja ini adalah Kumpulan Kerja 1: Tadbir Urus, Kumpulan Kerja 2: Maklumat Sumber Air, Kumpulan Kerja 3: Penyelidikan dan Penyiasatan, Kumpulan Kerja 4: Kualiti dan Standard, dan Kumpulan Kerja 5: Pembangunan Keupayaan dan Kesedaran. Setiap Kumpulan Kerja akan diterajui oleh agensi-agensi yang berkaitan yang telah dilantik. Manakala aktiviti yang dilaksanakan oleh setiap kumpulan kerja akan dilaporkan dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Peneraju Kumpulan Kerja yang dipengerusikan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran.

Jabatan Alam Sekitar merupakan peneraju Kumpulan Kerja 4 (WG 4) yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti bagi skop Kualiti dan Standard sumber air negara sebagai sebahagian daripada perlaksanaan strategi, dan pelan tindakan Dasar Sumber Air Negara.

Keahlian Kumpulan Kerja 4: Standard Dan Kualiti

1. Jabatan Alam Sekitar Malaysia
2. Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli
3. Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Pakar Rujuk Kualiti Air
5. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
6. Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan
7. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
8. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
9. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
10. Jabatan Mineral dan Geosains
11. Jabatan Standad Malaysia
12. Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara
13. Jabatan Kerajaan Tempatan
14. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah
15. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
16. Jabatan Meteorologi Malaysia
17. Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri Sarawak
18. Agensi/ Lembaga Urus Air Negeri
19. Badan Kawal Selia Air Negeri
20. Indah Water Konsortium

Skop utama bagi Kumpulan Kerja Empat (WG4) adalah merangkumi perkara-perkara berikut:-

- i) Merangka secara bersama dengan agensi berkepentingan (kriteria dan standard) berkaitan sumber air secara komprehensif;
- ii) Mengenal pasti rangka kerja bagi pewujudan kaedah, pendekatan dan tatacara untuk penilaian sumber air;
- iii) Mengenal pasti standard untuk tujuan kawalan kualiti yang menyumbang kepada pencemaran sumber air meliputi *environmental flow, carrying capacity, pollution loading* dan sebagainya); dan
- iv) Mewujud dan mengkaji semula indeks kualiti air yang bersesuaian untuk diguna pakai kepada sungai, tasik, air bawah tanah dan marin.

Pernyataan Dasar Sumber Air Negara

Jaminan keselamatan dan kelestarian sumber air hendaklah menjadi keutamaan negara untuk memastikan air yang mencukupi dan selamat untuk semua, melalui penggunaan secara lestari, pemuliharaan dan pengurusan sumber air yang berkesan dengan satu mekanisme perkongsian bersama yang melibatkan semua pihak berkepentingan

“The security and sustainability of water resources shall be made a national priority to ensure adequate and safe water for all, through sustainable use, conservation and effective management of water resources enabled by a mechanism of shared partnership involving all stakeholders”.

Prinsip Dasar Sumber Air Negara

1. Jaminan sumber air (*water resources security*)

- Sumber air terjamin perlu dijamin untuk memastikan kebolehdapatannya bagi memenuhi keperluan dan permintaan manusia dan alam dengan mengoptimumkan potensinya dan meminimumkan impak yang merosakkan.
 - Air untuk rakyat
 - Air untuk makanan dan pembangunan luar bandar
 - Air untuk pembangunan ekonomi
 - Air untuk alam sekitar

2. Kelestarian sumber air (*water resources sustainability*)

- Sumber air adalah pemangkin kepada kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan Negara. Oleh itu penggunaan perlu dilestarikan untuk kegunaan semasa dan masa hadapan.

3. Urustadbir secara kolaboratif (*collaborative governance*)

- Keterangkuman dan kolaborasi pihak berkepentingan adalah perlu ke arah memastikan jaminan dan kelestarian sumber air, seterusnya pencapaian matlamat bersama bagi menangani pelbagai perkara dan keutamaan tadbir urus sumber air.

Objektif Dasar Sumber Air Negara

1. Menetapkan halatuju dan strategi bagi tindakan-tindakan bersama untuk memastikan jaminan dan kelestarian sumber air;
2. Menyediakan cara dan langkah yang saling melengkapi hala tuju dasar-dasar sedia ada berkenaan sumber air;
3. Menyediakan platform untuk memperkasakan risikan dan maklumat sumber air serta keseragaman amalan, dengan memperkemaskan piawaian, pengukuran, kaedah dan pendekatan;
4. Menetapkan cara dan langkah untuk diterima pakai untuk pelan pemuliharaan sumber air di pelbagai skala agar ia saling melengkapi dan mengukuhkan pelan pembangunan lain yang berkaitan; dan
5. Membina keupayaan semua pihak berkepentingan untuk membolehkan penglibatan dan kolaborasi yang berkesan dalam tadbir urus sumber air di pelbagai skala dan peringkat dengan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia, sains, teknologi dan amalan termasuk memberi galakan bagi pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi.